

30/05/2000

Masyarakat Barat sukar kikis perangai penjajah

SEKALI penjajah, tetap penjajah - demikian cemuan yang boleh ditujukan terhadap sesetengah pihak Barat yang dahulunya menjajah di benua Afrika dan Asia. Bagi mereka, keagungan dan kebesaran zaman silam, begitu sukar dilepaskan.

Ternyata, jiwa penjajah itu tetap hidup, umpamanya, daripada sebuah makalah khas dalam akhbar Daily Telegraph, London baru-baru ini menyiarkan laporan dengan tajuk yang begitu jelas: "Sooner or later Africa must face some form of recolonisation".

Menurut rencana itu, dunia sekarang menghadapi tiga pilihan:

- * Meletakkan sesebuah negara Afrika di bawah mandat jangka panjang Bangsa-Bangsa Bersatu, iaitu menjajah semula negara berkenaan;
- * Membenarkan syarikat-syarikat perniagaan berbuat seumpama itu; dan
- * Mengambil sikap lepas tangan.

Menurut rencana itu, beberapa tindakan lain juga boleh diambil. Sebagai contoh, Sudan dibahagi dua, iaitu, bahagian utara untuk rakyat Islam dan bahagian selatan untuk rakyat Kristian.

Begitu mudah sekali sesebuah negara merdeka dipecah-pecahkan menurut kehendak dan kepentingan Barat.

Cadangan yang sama dibuat kepada Angola dan Republik Demokratik Congo yang dahulu dijajah oleh Belgium.

Pelbagai cadangan menjajah semula yang disiarkan dalam sebuah akhbar terkemuka Inggeris, turut menjadi persoalan. Sebelum ini cadangan itu disebut dalam sebuah majalah mingguan London.

Tidak kurang menarik ialah laporan mengenai sebilangan tokoh politik dan korporat British dan Amerika menyokong sebuah organisasi antarabangsa untuk membiayai puak pembangkang yang menentang Perdana Menteri Zimbabwe, Robert Mugabe.

Organisasi itu diberi nama Zimbabwe Democracy Trust (ZDT) dan antara penaungnya ialah tiga bekas menteri luar British - Malcolm Rifkind, Douglas Hurd dan Geoffrey Howe.

Menurut akhbar Observer di London mereka dituduh menggunakan organisasi itu untuk kepentingan syarikat-syarikat gergasi Barat.

Seperti termaklum keadaan di Zimbabwe menjadi tegang sejak beberapa waktu lalu setelah sebilangan bekas pejuang kemerdekaan Zimbabwe menduduki ladang-ladang besar milik kulit putih.

Organisasi ZDT sebelum ini menyebarkan risalah mengenai tujuannya untuk menegakkan demokrasi di Zimbabwe. Menurut akhbar Observer lagi, sebilangan penaungnya ialah pengarah syarikat-syarikat yang mempunyai kepentingan besar di Zimbabwe.

Akhbar itu melaporkan bahawa pada April lalu, ZDT mengatur lawatan ke London dan Washington untuk Morgan Tsvingirai, ketua gerakan demokrasi, puak pembangkang utama di Zimbabwe.

Beliau kemudian mendapat peluang berjumpa Menteri Luar British, Robin Cook dan Penolong Setiausaha Negara Amerika, Susan Rice.

Bekas Menteri Luar Malcolm Rifkind dikatakan berkhidmat dengan sebuah syarikat perlombongan Australia yang berselisih faham dengan Kerajaan Zimbabwe mengenai sebuah lombong di negara itu.

Sebilangan besar penyokong ZDT ialah kaum kulit putih, akhbar Observer melaporkan lagi.

Satu hal lain berlaku di Filipina. Menurut sebuah akhbar Manila, Kerajaan Filipina tidak akan bertindak balas terhadap majalah Time kerana

laporannya yang dianggap menghina Presiden Estrada dan kerajaannya.

Presiden Estrada dijadualkan melawat Amerika, Julai ini dan bertemu Presiden Clinton. Ini dikatakan menjadi sebab tiada tindakan balas.

Laporan majalah Time itu yang diberi tajuk "Pemangku Ketua" mengkritik cara pentadbiran Presiden Estrada yang dianggap seperti `datuk bandar sebuah bandar kecil`.

Akhbar Philippine Daily Inquirer melaporkan: "Manakala ditanya siapa dalang laporan-laporan media asing terhadap kerajaan Estrada, Senator Santiago menjawab: Kerajaan Amerika".

Demikianlah terserlahnya agenda pihak Barat sama ada di Afrika ataupun di benua Asia.

Suatu forum negara-negara Afrika dan Asia berlangsung baru-baru ini di Kuala Lumpur. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapannya menyebut mengenai negara-negara kaya di utara bersepakat manakala syarikat-syarikat gergasi mereka bercantum untuk menguasai pasaran-pasaran lain atas nama globalisasi. Beliau menggesa supaya ditingkatkan dagangan dan perkhidmatan antara Asia dan Afrika.

Lain sekali nadanya daripada rencana untuk menjajah semula Afrika seperti yang disebut dengan jelas.

(END)